

# Sistem brek gagal berfungsi

**Punca insiden lif jatuh di PPR Kerinchi pada 2 Ogos lalu**

RIDAUDDIN DAUD

KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan mengesahkan kegagalan sistem brek berfungsi dengan baik menjadi punca insiden lif jatuh di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, Pantai Dalam di sini pada 2 Ogos lalu.

Menterinya, Khalid Abd Samad berkata, salah satu komponen dalam sistem tersebut mengalami kerosakan dan menyebab-

kan ia tidak dapat mencengkam lif dengan baik.

Menurutnya, kerosakan itu dikesan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) selepas melakukan siasatan terhadap lif yang terlibat dalam insiden berkenaan.

"Pada hari kejadian, brek tersebut tidak berfungsi kerana *plunger* (komponen dalam sistem brek lif) tersekat. Apabila tersekat ia menyebabkan brek tidak mencengkam. Lif berhenti, brek tak cengkam menyebabkan lif jatuh.

"DOSH telah melakukan siasatan forensik, guna kotak hitam dan dapat semua maklumat. Keseluruhan sistem brek berfungsi dengan baik, cuma *plunger* sahaja tersekat. Ia tidak bergerak kerana satu bahagiannya telah terha-



KHALID

kis," katanya pada sidang akhbar di Menara 1 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, sistem brek kecemasan lif tersebut masih berfungsi, namun ketika insiden, kelajuan jatuhnya lif tidak mencapai tahap membolehkan sistem lif itu diaktifkan.

## Lapan cedera lif terhempas

Terjatuh dari tingkat lima PPR Kerinchi

MURAHMAD AHMAD RAMLI

KUALA LUMPUR



Pegawai perubatan membaratkan mangsa yang cedera selepas lif jatuh menentu di PPR Kerinchi, Pantai Dalam, Kuala Lumpur jatuh dari tingkat lima semalam.

Lapan orang cedera apabila lif diarahkan menentu ke bawah dan tergelincir ke lantai di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di sini petang semalam.

Dalam kejadian itu, kira-kira jam 2.30 petang itu mangsa termasuk empat mangsa kanak-kanak, lelaki, perempuan, 10 tahun dan 10 bulan.

Insiden berlaku pada 2 Ogos lalu.

Laporan Sinar Harian pada 3 Ogos lalu.

"Oleh kerana lif jatuh dari tingkat lima, kelajuan tidak sampai pada tahap yang boleh mengaktifkan gear keselamatan sistem lif tersebut," katanya.

Menurut Ahli Parlimen

Shah Alam itu, insiden sebegini amat jarang berlaku, namun pihaknya akan bertemu dengan pengeluar lif tersebut untuk meneliti inisiatif yang perlu dibuat selepas ini.

"Siasatan kes ini telah selesai tetapi kami akan cuba dapatkan maklumat daripada pengeluar dan dapatkan manual model tersebut.

"DOSH akan gunakan pengalaman ini untuk mengkaji standard penyelenggaraan kerana kes sebegini memang jarang-jarang berlaku," katanya.

Pada 2 Ogos lalu, lapan individu cedera apabila lif dinaiki mereka mengalami kerosakan dan jatuh dari tingkat lima di PPR Kerinchi, Pantai Dalam.

Kejadian pada jam 2.30 petang itu menyebabkan empat mangsa termasuk seorang wanita dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun patah kaki, manakala empat lagi mangsa cedera di pergelangan kaki.